



KULIM (MALAYSIA) BERHAD

POLISI KILANAN

KULIM memperakui nilai dan kepentingan menyelesaikan perselisihan faham mahupun ketidakpuashatian bagi mengekalkan hubungan yang harmoni. Pihak syarikat dan anggota pekerja seharusnya mengambil langkah yang terbaik dan sewajarnya untuk menyelesaikan sebarang aduan atau kilanan. Prosedur yang diperkenalkan adalah untuk memastikan adanya satu sistem yang telus bagi menentukan kilanan dan aduan dari pemegang kepentingan ditangani secara, adil, saksama dan segera.

JENIS-JENIS KILANAN AM:

Berikut adalah petunjuk kepada situasi yang boleh menimbulkan kilanan:

KILANAN PENTADBIRAN DAN AM

- ❖ Perbezaan polisi pentadbiran, prosedur dan peraturan oleh pejabat agensi, unit operasi dan jabatan;
- ❖ Ketidaksamaan berkaitan gaji mahupun upah;
- ❖ Tatacara pekerjaan;
- ❖ Sistem insentif;
- ❖ Keputusan Penimbangtaraan oleh pihak atasan
- ❖ Ketidakadilan atau pilih kasih;
- ❖ Penamatan perkhidmatan;
- ❖ Kenaikan pangkat;
- ❖ Perpindahan;
- ❖ Kesihatan dan keselamatan.

Perkara-perkara yang tidak termasuk dalam kategori Kilanan. Berikut adalah contoh di mana aduan ataupun rungutan anggota pekerja yang tidak termasuk dalam kategori Kilanan (situasi ini adalah di bawah budi bicara pihak pengurusan):

- ❖ Lokasi pejabat atau operasi syarikat;
- ❖ Pemilihan dan pengambilan pekerja;
- ❖ Saiz dan komposisi tenaga kerja;
- ❖ Struktur organisasi;
- ❖ Kaedah operasi;
- ❖ Peraturan kualiti;
- ❖ Penentuan harga;
- ❖ Amalan jualan dan pengiklanan;
- ❖ Peraturan keselamatan.

Diluluskan Oleh:

ZULKIFLY ZAKARIAH

Pengarah Eksekutif

01 Mei 2018